

Headline	Seramai 768 terima pingat kebesaran Negeri Sembilan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,376
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,128



## Seramai 768 terima pingat kebesaran Negeri Sembilan

SEREMBAN 13 Jan. - Kerabat Diraja Negeri Sembilan, Tunku Alang Tunku Dato' Seri Iskandar Tunku Tan Sri Abdullah mengetuai senarai penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, ke-64 esok.

Beliau dikurniakan Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Terbilang (SSTM) yang membawa gelaran Datuk Seri pada istiadat yang berlangsung di Balairung Seri Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah, dekat sini.

Dalam pada itu, seramai 767 orang akan menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena hari keputeraan tersebut.

Ketua Hakim Syarie negeri, Mohd. Shukor Sabudin mendahului senarai penerima pingat Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima lain DPNS ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Naziruddin Abd. Rahman; Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif Samsung SDI, Park Sang Jin; Raja Abd. Halim Raja Abd. Razak; Sim Teck Seng; E. Sreesanthan; Tunku Haitham Tunku Sulong dan bekas Panglima Medan Tentera Darat, Lt. Jen (B) Datuk Seri Zaini Mohd. Said.

Bagi anugerah Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) juga membawa gelaran Datuk dikurniakan kepada ulama muda yang juga Pengasas Yayasan Sofa dan Ahli Majlis Fatwa kerajaan negeri, Syeikh Muhammad Fuad Kamaludin al Maliki.

Penerima lain DSTM ialah Datuk Koay Soon Eng; Leong Hong Tole; Dr. Mahendran Raj; Dr. Meshinder Singh dan Datuk Yeow Wah Chin.

Bagi Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang juga membawa gelaran Datuk, 27 penerima telah diperkenankan bagi tujuan berkenaan.

Mereka ialah Pengarah Pelajaran negeri, Abdul Halim Abdul Razak; Komander 69 Komando Pasukan Gerakan Khas, Senior Asisten Komisioner Azizan Abd. Aziz; aktivis masyarakat MCA, Chai Fa Fui; aktivis masyarakat Gerakan, Chang Khee Choong; Penasihat Kesatuan Singh negeri, Daljeet Singh; Pakar Perubatan Rheumatologi Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ), Dr. Gan Suk Chyn dan Duta Malaysia ke Bangladesh, Jamaluddin Sabeh.

Penerima lain DBNS ialah Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Brig. Jeneral Mustafa Abdul Manap; bekas Timbalan Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan yang kini Profesor Psikologi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Mahmood Nazar Mohamed; ahli perniagaan, Datuk Mohd. Raihan Datuk Seri Yusuf Teh; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Raihan Sharif; Pengarah NADI, Rosni Abdul Malek; aktivis masyarakat MIC, S. Rajandran dan Penasihat Teknikal MERCY Malaysia, AR. Saifulizan Osman.

Headline	Seramai 768 terima pingat kebesaran Negeri Sembilan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,376
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,128

Lain-lain ialah aktivis masyarakat UMNO, Salim Mohd. Shariff; ahli perniagaan, Ir. Zainal Bachik; Timbalan Asisten Ketua Staff Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Brig. Jeneral Datuk Zulkafli Mohd. Nor; Pengarah Urusan Kejora Ikhlas Sdn. Bhd., Mohammd Rodzi Awang Kechek; aktivis masyarakat, Sahul Hameed PM Shaik Mohaideen.

Turut menerima DBNS ialah Ahmad Shuhaimi Razak; Datuk Alimuddin Sawal; ahli perniagaan, Jahaya Ibrahim; Prof. Dr. Rahmah Mohamed; Prof. Dr. Saran Kaur Gill; Datuk Thevasagayam Ahamparam; Yong Kok Heng dan Zainal Bahari.

Sementara itu, seramai 28 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS) dan tiga penerima bagi Darjah Tuanku Muhriz (DTM).

Bagi Darjah Pekerti Terpilih (DPT), seramai 13 orang penerima antaranya ialah Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Hamdan

Majid dan Pengarah Jabatan Penerangan negeri, Hashim Bedu.

Dalam pada itu seramai 98 orang penerima Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS), antaranya Ketua Polis Daerah Jempol, Supritendan Mohd. Sabri Muhammad; Ketua Polis Daerah Nilai, Supritendan Mohd. Yusoff Awang dan Pegawai Turus Trafik negeri, Asisten Supritendan Abd. Halil Hamzah, selain 211 orang lagi dikurniakan Pingat Khidmat Cemerlang (PMC).

Wartawan *Utusan Malaysia*, Farabi Sheikh Said Al Jabri dan Mohammad Yasir Jaafar pula adalah antara 342 orang penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena Hari Keputeraan berkenaan.

Penerima lain PJK ialah dua wartawan RTM, Noraini Wahib dan Rosemari Khoo Mohd. Sani.

Seramai 26 orang lagi menerima Pingat Khidmat Lama (PKL) dan empat orang menerima Bentara Tuanku Muhriz (BTM).



**MOHD. SHUKOR  
SABUDIN**



**DR. MAHMOOD  
NAZAR MOHAMED**